

**TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022
PENGAL PERTAMA**

Salam sejahtera dan salam reformasi.

Nama saya Dr. Kho Pui Wun. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di persidangan muda ini. Peluang ini adalah di luar jangkaan saya dan inilah permulaan saya untuk berfikir keras tentang keperluan dan cabaran yang dihadapi oleh belia.

Apa keperluan belia?

Dalam satu kajian yang dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (2011), terdapat lima keperluan belia yang kritikal yang telah dikenal pasti. Kelima-lima keperluan tersebut adalah pekerjaan, perumahan, kewangan, keperluan pendidikan dan juga pengangkutan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kepentingan pihak berwajib untuk menangani keperluan belia secara serius terutama yang melibatkan isu pekerjaan.

Dapatan survei belia dalam Asia Foundation (2012) menunjukkan bahawa banyak belia lelaki dan wanita gagal untuk menyertai pasaran tenaga kerja manakala kebanyakan kerja yang ada dibayar dengan upah yang rendah, tiada jaminan serta kurang faedah-faedah sampingan.

Terdapat berita menyatakan bahawa seorang belia yang memegang Phd terpaksa bekerja sebagai GrabFood (Sinar Harian, 23 Oct 2019). Alasan majikan menolaknya daripada kerja adalah terlebih layak untuk pekerjaan tersebut. Sekiranya tidak tampilkan kelayakan akademik dia, majikan tidak bersedia menerima tenaga kerja yang tidak berpengalaman.

Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) berhasrat untuk mencapai sasaran melahirkan 60,000 orang graduan Ph.D warga negara Malaysia menjelang tahun 2025. Belia yang berumur kurang daripada 35 tahun diberi biasiswa dan tajaan.

Persoalannya,
Sidang Muda 2022 | Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

1. Bagaimana kerajaan boleh memanfaatkan belia yang memegang PhD?
2. Apakah peranan sektor industri boleh memanfaatkan pemegang PhD sedia ada? Adakah mereka bersedia menerima pemegang PhD berbanding tenaga kerja yang berpengalaman?
3. Adakah ilmu fundamental baharu yang dijana daripada penyelidikan PhD dimanfaatkan dalam membina korpus ilmu watan dan menyelesaikan isu negara?

Cadangan

Kerajaan perlu memanfaatkan pemegang PhD dan bukan sekadar berbangga dengan jumlah mereka. Justeru, satu ekosistem yang kondusif diperlukan apabila pemegang PhD ini boleh ditawarkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan akademik mereka.

Selain itu, pemegang PhD tidak semestinya perlu menjadi tenaga pengajar di universiti semata-mata, sebaliknya boleh memberi khidmat teknikal dalam profesion lain berdasarkan kepakaran mereka.

Dr. Kho Pui Wun

N40 Teluk Bahang

Sidang Muda 2022 Penggal Pertama

